

Penguat kuasa DBKL ditumbuk



Peniaga terbabit cuba menghalang peralatan perniagaannya dirampas penguat kuasa DBKL di Taman Tasik Titiwangsa Isnin lalu.

Peniaga tanpa lesen berang selepas peralatan perniagaannya disita

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Seorang anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ditumbuk dua kali di pipi oleh peniaga yang tidak mempunyai lesen di Taman Tasik Titiwangsa di sini Isnin lalu.

Dalam kejadian jam 5.30 petang itu, peniaga yang menjual air minuman itu berang selepas peralatan perniagaannya disita.

Terdahulu, tindakan penguatkuasaan diambil oleh Pasukan Peronda Berbasikal Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL yang melakukan rondaan dan pemantauan terhadap aktiviti perniagaan tanpa kebenaran.

Unit Media DBKL memaklumkan, peniaga terdiri pasangan suami isteri itu didapati melakukan kesalahan berniaga tanpa kebenaran dan menyebabkan kawasan persekitaran kotor.

"Semasa tindakan penguatkuasaan dilakukan, lelaki berkenaan menghalang tugas anggota penguat kuasa dengan menumbuk dua kali di pipi kanan, menarik pakaian seragam dan menolaknya sehingga jatuh.

"Anggota terbabit mengalami kecederaan di tangan kanan dan lutut sebelah kiri," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, peniaga tersebut telah diberikan teguran dan amaran lisan sebanyak tiga kali sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

"Peniaga tersebut telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.

"Kesalahan tersebut boleh dikenakan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali. Peralatan yang disita dihantar ke Setor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Cheras untuk disimpan dan didokumentasikan," kata-

nya. Menurutnya, satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Jalan Tun Razak kerana menghalang penjawat awam melaksanakan tugas.



Tangan penguat kuasa DBKL terbabit turut cedera sewaktu tindakan penguatkuasaan diambil terhadap peniaga berkenaan.